



# **NARATIF MELAYU**



**DATUK DR. WAN AHMAD FAUZI BIN WAN HUSAIN  
TUN SUZANA @ SUZANA BINTI HAJI OTHMAN**



**VISI:**

Menjunjung kedaulatan Raja-Raja Melayu bersumberkan ajaran Islam bersendikan adat Melayu di Tanah Melayu dan Persekutuan Malaysia.

**MISI:**

Menyebarkan luas faham kerangka watan dalam pentafsiran kedaulatan dan prinsip perlembagaan Negara berserta pemakaiannya untuk memperkukuhkan jati diri tanah air demi perpaduan Nasional.

**OBJEKTIF:**

Untuk Mempasakkan Tiga Tiang Seri dalam jiwa dan amalan umat Melayu iaitu:

**Jati diri Fahaman:**

Berpegang pada fahaman Ahl Sunnah wal Jama'ah al-Asya'irah wal Maturidiyyah, bermazhabkan Imam yang Empat, dengan memberi keutamaan pada pandangan al-Imam Syafi'i dan al-Syafi'iyah, di samping meraikan pandangan mazhab-mazhab muktabar yang lain. Berpedoman tasawuf al-Ghazali, Shaykh Junaid al-Baghdadi serta alim-ulama tasawuf muktabar yang lain.

**Jati diri Watan:**

Mendokong Institusi Raja Melayu sebagai pelindung agama dan identiti tanah air berteraskan Faham Kedaulatan Watan (AKWAM)

**Jati diri Budi Budaya:**

Membudayakan Peradaban Ihsaniah melalui pelestarian amalan adat dan adab Melayu yang bersesuaian dan tidak bercanggah dengan prinsip uruf.

## NARATIF MELAYU

---

<b>Tajuk</b>	<b>Ms</b>
<i>Prakata</i> ... ..	4
 Naratif Melayu: Fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah	
Pengenalan ... ..	6
Tiang Seri Melayu: Akidah Asya'irah dan Maturidiyyah ... ..	9
Umat Melayu Berpedoman Fekah Syafi'i dan Syafi'iyah ... ..	13
Tasawuf dan Tarekat Alam Melayu ... ..	16
Rumusan ... ..	21
Rujukan ... ..	22
 Kedaulatan Watan: Raja Melayu Tonggak Agama dan Adat Budaya	
Pengenalan ... ..	23
Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia ... ..	24
Kesan Kepada Agama dan Adat Budaya ... ..	29
Peranan Institusi Raja ... ..	31
Kesimpulan ... ..	35
Rujukan ... ..	36
 Biodata Penulis-Penulis ... ..	 38

## PRAKATA

Naratif di sini bukanlah bermaksud sebuah penceritaan biasa atau hikayat purbakala. Naratif Melayu adalah cerminan pemikiran, realiti dan gagasan berakar umbi di Tanah Melayu yang ingin dilestarikan. Naratif Melayu terbit daripada pancaran pegangan keagamaan, pemikiran, amalan, nilai dan etos yang membina adat Melayu. Pada sisi lain, Naratif Melayu adalah simpulan pandangan dunia, dipegang oleh Raja-Raja Melayu, ditafsirkan oleh para sarjana watan lalu menjadi ikutan oleh rakyat Raja Melayu; orang Melayu dan bangsa Melayu.

Naratif adalah perlambangan bahkan jati diri Melayu itu sendiri kerana subur beristiadat ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka. Termaktub dalam karya agung iaitu *Sulalatus Salatin* atau Sejarah Melayu karangan Bendahara Paduka Raja Tun Seri Lanang sebagai menurut titah Sultan Abdullah Maayah Shah, Sultan bagi kerajaan Johor Lama:

*barang kita perbaiki kira-nya dengan istiadatnya, supaya di-ketahui oleh segala anak chuchu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh di-ingatkan-nya oleh segala mereka itu, shahdan ada-lah beroleh faedah ia daripada-nya.*

Pesanan di atas bukan hanya buat anak-cucu Sultan dan kaum bangsawan, bahkan rakyat Melayu amnya. Menjadi salah satu tema dalam penulisan lama, pujian keatas akhlak yang baik, pesanan dan sindiran terhadap kelemahan akhlak melalui watak-watak dalam penceritaan. Tidak keterlaluan jika dikatakan, Sejarah Melayu membawa misi besar sebagai panduan di istana-istana Melayu dan rakyat jelata. Mesej yang sama diteruskan dalam *Tuhfat an-Nafis* karangan Raja Ali Haji. Tulisan Raja Ali Haji begitu banyak dan berdiri sebagai satu pemikiran besar membicarakan prinsip kedaulatan watan sewaktu zaman kerajaan Johor Riau, yang merupakan kesinambungan daripada Kesultanan Melayu Melaka.

'*Naratif Melayu*' ini disusun untuk mengembalikan pemikiran asal sebelum hadirnya campur tangan asing dalam hal ehwal pemerintahan Tanah Melayu, khususnya

British. Naratif Melayu melangkaui kesusasteraan Melayu, sebuah naratif penceritaan dan pemikiran besar yang merangkumi segala-galanya aspek Alam Melayu. Namun bagi maksud buku ini, naratifnya terfokus pada Semenanjung Tanah Melayu yang dipersembahkan dalam bahasa abad ke-21. Naratif Melayu hakikatnya berpaksikan ajaran Islam yang syumul sebagai ad-Din dalam kerangka syariat Nabi Muhammad ﷺ. Hanya jika dilihat dengan kaca mata tersebut, barulah penceritaan dan emikrannya menjadi hidup dan mengetuk jiwa sanubari. Inilah jiwa Melayu dan intipati Melayu itu sendiri.

Oleh itu penting bagi para sultan, alim-ulama dan rakyat jelata daripada pelbagai lapisan untuk kembali kepada Naratif Melayu yang asal, Naratif leluhur kita yang dipegang sejak berabad-abad lamanya. Naratif sudah lama berserasian dengan jiwa murni kemelayuan kita, berpaksi pada agama Islam; mentakrifkan IMAN, ISLAM dan IHSAN. Takrifan IMAN, ISLAM dan IHSAN melalui Naratif Melayu menyaksikan ketamadunan tinggi yang dicapai oleh Kesultanan Melayu Melaka, berdiri gah sebagai pelabuhan terkaya di dunia sekaligus penghubung dua buah tamadun agung dunia di Timur dan Barat yang tidak mengabaikan Islam sebagai jalan hidup.

Akhir kalam, mudah-mudahan usaha Gabungan MI'RAJ yang tidak sepertinya ini mendapat rahmat dan taufiq daripada Allah SWT, menepati cita-cita Rasulullah ﷺ serta mampu untuk mengetuk pintu hati umat Melayu melalui jalan sejarah, warisan, dan jati diri kita. Kami yakin orang Melayu akan mampu bangkit kembali, kerana Naratif Melayu adalah tali-temali yang utuh dan pengikat dengan leluhur kita semua.

## **NARATIF MELAYU: FAHAMAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH**

Tun Suzana Tun Hj Othman

### **PENGENALAN**

Rasulullah ﷺ meninggalkan al-Quran dan Hadith sebagai pedoman untuk kesejahteraan dan keselamatan hidup umat Islam di dunia dan akhirat. Agama Allah yang disampaikan oleh baginda ﷺ melalui panduan al-Quran dan Hadith merupakan ilmu-ilmu dasar dalam trilogi, iaitu tiga serangkai atau rukun penting yang satu sama lainnya tidak boleh dipisahkan: ISLAM, IMAN dan IHSAN.

Trilogi ISLAM, IMAN dan IHSAN bersumberkan hadith Rasulullah ﷺ yang diriwayatkan oleh Sayyidina Umar al Khattab, dikenali sebagai Hadith Jibril. Hadith tersebut adalah dialog di antara Malaikat Jibril as dengan Nabi ﷺ, tentang beberapa perkara. Soalan pertama menyentuh Rukun Islam dan dijawab Nabi ﷺ dengan lima perkara, yakni bersaksi bahawasanya tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah utusanNya, mendirikan solat, membayar zakat, menunaikan puasa Ramadhan, serta mengerjakan haji di Baitullah bagi yang mampu. Kemudiannya Jibril bertanya pula tentang Rukun Iman, lalu Rasulullah ﷺ menyebut enam perkara iaitu beriman kepada Allah, MalaikatNya, Kitab-kitabNya, Rasul-rasulNya, Hari Akhirat dan Qada' serta Qadar Nya. Seterusnya Jibril bertanya pula tentang Rukun Ihsan, dijawab Rasulullah ﷺ bahawa kita menyembah (beribadah) Allah seolah-olah melihatNya, dan jika tidak dapat melihat Allah, maka yakinlah bahawa Allah melihat kita.

Berdasarkan Hadith Jibril, alim-ulama menyimpulkan bahawa Islam secara praktikal adalah bahagian zahir agama yang disertai iman. Iman adalah keyakinan beragama yang terpahat kukuh secara batinnya, sementara Ihsan adalah manifestasi nilai Islam dan iman terzahir dalam tingkah laku seorang Islam. Tiga Rukun Agama yang menjadi dasar atau asas ajaran Islam iaitu Iman, Islam dan Ihsan terus dikembangkan oleh

alim ulama salaf dan khalaf kepada tiga bidang pengkajian: Rukun Iman menjadi bidang Ilmu Akidah, Rukun Islam adalah Ilmu Syariat dan Rukun Ihsan pula adalah Ilmu Akhlak.

Islam yang diwariskan kepada para ulama oleh Rasulullah ﷺ dalam tiga disiplin ilmu teras, iaitu Akidah, Syariat dan Akhlak diperhalusi lagi melalui pengajian ilmu Tauhid, Fekah dan Tasawuf. Ilmu-ilmu yang dikembangkan lagi selepas itu kesemuanya tertakluk pada prinsip hukum al-Qur'an dan al-Sunnah oleh mereka yang diberi hidayah dan panduan oleh Allah SWT berdasarkan amalan sahabat demi menjaga maqasid syariah. Dalam ruang lingkup ini, para sarjana Islam perlu meraikan adat sehingga boleh diterima sebagai uruf, atau adat muhakamah dalam prinsip perundangan Islam. Hal ini menunjukkan bahawa amalan yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam itu lahir daripada kaedah asas, asal pada suatu perkara itu adalah harus. Pada sisi lain, menunjukkan peranan ulil amri yang berprinsipkan amalan shura berteraskan keadilan untuk menguruskan masyarakat setempat dan masalah pada suatu ketika itu. Prinsip-prinsip di atas menerima amalan watan yang diabsahkan secara kaedah untuk membuktikan Islam adalah panduan hidup sepanjang zaman.

Satu perkara yang barangkali terlepas pandang dalam tasawwur pemikiran hari ini, bahawa Islam itu bermula lebih awal daripada wujudnya adat, undang-undang, konvensyen, doktrin, teori atau apa jua istilah yang dipopularkan. Islam yang dianuti pada hari ini masih sama dengan Islam anutan Nabi Adam a.s., beza cuma pada syariatnya sahaja. Hal ini kerana syariat Akhir Zaman yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad ﷺ masih meneruskan akidah Nabi Adam a.s.. Justeru, Islam yang dibawa ke Tanah Melayu selepas kerasulan Nabi Muhammad ﷺ bertujuan untuk mengembalikan kemurniaan akidah asal dan memandu manusia dengan panduan hidup Akhir Zaman.

Seorang ulama seharusnya menguasai kesemua bidang ilmu Islam. Kekurangan yang ada masih boleh ditampung sekiranya mereka mengamalkan syura yang dihadiri oleh pakar-pakar dalam semua disiplin ilmu untuk menjelaskan isu-isu kontemporari. Hanya kesempurnaan disiplin ilmu yang disumbangkan secara bersama-sama oleh setiap pakar

bidang berkaitan dapat mewakili sebuah pemikiran atau pandangan yang sah. Kita dapat melihat bahawa kesatuan disiplin ilmu sedemikian telah membina Naratif Melayu sehingga penganut Islam di alamnya terkenal dengan tahap ketatasusilaan yang tinggi dan tahap keilmuan yang tidak kurang jika dibandingkan dengan bumi Hijaz pada waktu sezamannya.

Pembinaan Naratif Melayu pada hakikatnya perlu disoroti melalui sejarah, bukan setakat kajian lapangan pada hari ini. Kedatangan Islam selepas kebangkitan Nabi Muhammad ﷺ memulakan semula proses bimbingan untuk memandu penduduk Nusantara atau Alam Melayu kepada Islam. Alam Melayu yang dibangunkan selewat-lewatnya oleh Empayar Melayu Srivijaya membenarkan amalan mistikal, semangat, dewa-dewa serta lain-lain kepercayaan syirik dan khurafat. Misi besar para pendakwah yang tiba di Alam Melayu pada ketika itu bukan sahaja bertujuan untuk melakukan perubahan pemikiran, kepercayaan dan amalan semasa kepada cara hidup fitrah, kembali kepada tauhid, yakni Allah sebagai Pencipta alam dan makhluk, yang Maha Esa, segala-galanya berpunca daripadaNya. Cabaran yang tidak kurang besarnya, pendekatan bagaimana yang terbaik, lebih sesuai atau perlu dilakukan untuk memulakan suatu perubahan pemikiran, kepercayaan dan amalan purba itu. Pemikiran, kepercayaan dan amalan purba merujuk kepada penyelewangan akidah dan syariat yang berlaku sebelum kebangkitan syariat Nabi Muhammad ﷺ di Alam Melayu.

PengIslamisasi alam Melayu secara umumnya bermula secara berperingkat seawal abad ke 9 Masihi. Gelombangnya semakin membesar apabila memasuki abad ke 14 Masihi dan terus membesar dengan pesat selepas itu. Kelahiran kerajaan-kerajaan Islam di Pasai, Pahang dan Terengganu sekadar menyebut beberapa contoh, berjaya membina semula inti falsafah, institusi, adat-budaya, sosio-politik, pandangan sarwa dan kejiwaan masyarakat Melayu. Pembaharuan sedemikian pastinya tidak hadir begitu sahaja. Terdapat persepakatan dalam kalangan ahli-ahli akademik dan pengkaji sejarah bahawa pada peringkat awal perkembangan Islam lagi, alim-ulama sufi yang berbondong-bondong



datang ke alam Melayu berperanan untuk menyebarkan ajaran Islam dan syiarnya dalam kehidupan penduduk-penduduk alam Melayu.

Lintas sejarah perkembangan Islam di alam Melayu menunjukkan bahawa Naratif Melayu terzahir dalam empat bentuk utama, iaitu:

- a. Kesultanan-kesultanan di alam Melayu
- b. Peranan ulama dan umara ahlul-bait Rasulullah ﷺ
- c. Pendekatan tarbiyah ruhiyyah Islam
- d. Fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah

Gabungan empat elemen di atas berhasil membentuk naratif alam Melayu atau Nusantara yang unik dan ikonik, membangun ketamadunan unggul dalam wajah budi, adat dan budaya bangsa yang diperintah oleh kesultanan-kesultanan silam. Lahir daripadanya peradaban yang mengukuhkan matlamat kesejahteraan atau salaman, iaitu keselamatan dan kedamaian, rahmat berupa kerukunan dan kesejahteraan dan barakah bagi umat dan kemanusiaan. Hal ini dapat dilihat pada perkembangan institusi, sistem (geopolitik, ekonomi, teknologi dsbnya) serta hal ehwal kerajaan-kerajaan rantau ini di puncak kegemilangan silam seperti Pasai, Melaka, Aceh, Banten, Cirebon, Sulu, Brunei, Palembang dan banyak lagi.

### **TIANG SERI MELAYU: AKIDAH ASYA'IRAH DAN MATURIDIYYAH**

Ahli-ahli akademik dan pengkaji sejarah islamisasi Alam Melayu bersepakat bahawa sinergi ulama, umara dan cendekiawan tempatan memainkan peranan penting dalam usaha untuk mengembangkan akidah Islam menurut metodologi Asya'irah di Nusantara seawal era *khaira-quroon*, iaitu tiga abad pertama hijrah

Walaupun seawal abad ke 8 Masihi lagi, kehadiran alim-ulama sufi di alam Melayu, khususnya di Sumatera utara dapat dijejaki, namun rekod kitab-kitab yang diajar mereka belum dapat kita warisi lagi. Setakat ini, rekod sejarah paling awal adalah daripada Shaykh Abdullah 'Arif, seorang ulama besar yang datang ke Pasai di akhir abad ke 12 Masihi.

Beliau merupakan anak murid kepada Sultanul Awliya' dan tokoh ulama besar ahli Sunah wal Jamaah iaitu Shaykh Abdul Qadir al-Jilani. Dalam kembara dakwahnya di Nusantara, Shaykh Abdullah 'Arif dikatakan sentiasa membawa bersamanya kitab *Ihya Ulumuddin* karangan Imam al-Ghazali (Kamis Ismail 2003: 162). Kitab yang menjadi rujukan alam Melayu di era kemudian ini banyak membahaskan persoalan akidah seperti fasal ketiga *Kitab Kaedah-Kaedah Akidah* yang berlandaskan metodologi Asya'irah, merujuk kepada al-Ghazali sebagai tokoh ulama Asya'irah. Ini bermakna Shaykh Abdullah 'Arif membawa pemikiran al-Asy'ari melalui metod al-Ghazali ke Nusantara.

Dalam karyanya *Baħr al-Lahut* ringkas sembilan mukasurat, Shaykh Abdullah 'Arif memuatkan perbahasan mengenai akidah dan tasawuf. Pengaruh fahaman akidah ahli Sunah wal Jamaah sangat jelas terpancar dalam penulisan kitab tersebut. Sungguhpun ringkas tetapi mengandungi huraian ilmu tauhid Allah melalui sifat-sifat Allah SWT (Mohd Haidhar Kamarzaman: 2017), seperti catatan berikut:

Allah SWT Maha Agung. Allah SWT mempunyai Zat dan Sifat seperti Sifat Quدرات, Iradat dan Ilmu. Zat Allah SWT tiada terhingga, tiada bertempat dan tiada bermasa. Zat Allah SWT Qadim. Zat Allah SWT diibaratkan seperti cermin yang jernih (bersih).

Bibit-bibit dan kesan-kesan fahaman akidah Asya'irah di alam Melayu semakin jelas di zaman kesultanan Melaka. Ketika pemerintahan Sultan Mansur Shah, baginda dihadihkan sebuah kitab yang bernama *al-Durr al-Manzum* oleh Maulana Abu Bakar dari Jeddah. Kitab itu membahaskan persoalan akidah dan tasawuf berhubung masalah zat, sifat dan perbuatan Allah SWT, ditulis samada oleh Imam Abu-Ishaq al-Marwazi (Wan Zailan 1994: 84-106) atau Abu-Ishaq al-Sirazi (Siti Hawa Salleh 1997: 242). Kitab itu kemudiannya dihantar ke Pasai untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan diajar kepada golongan bangsawan dan para pembesar Melaka waktu itu.

Perkembangan akidah Asya'irah seiring dengan ajaran agama Islam yang disebarkan oleh Kesultanan Melayu Melaka. Justeru amat penting kedua-duanya dilihat

secara seiring, bukan terpisah. Peranan yang sama dimainkan juga oleh kerajaan-kerajaan lain yang menerima akidah Asya'irah di alam Melayu. Contohnya, perkembangan Islam di Negeri Sembilan adalah atas pengaruh kesultanan Melaka, Bendahara Tun Perak (1423-1446M) yang menguasai Sungai Ujung menggunakannya bagi perkembangan Islam ke jajahan-jajahan sekitarnya. Bendahara Tun Perak juga menggunakan kaedah yang sama dalam meluaskan Islam di Selangor melalui daerah Kelang yang juga berada di bawah kekuasaannya.

Penyebaran akidah Asya'irah terus berkembang walaupun selepas Kejatuhan Kota Melaka pada tahun 1511M. Hal ini kerana Kerajaan Melayu Johor-Pahang-Riau Lingga adalah pewaris kesinambungan Kesultanan Melayu Melaka. Bermula abad ke 16, peranan itu disertai sama Kerajaan Melayu Aceh. Pengaruh akidah Asya'irah dan Maturidiyyah terbukti dalam karya Shaykh Nuruddin ar-Raniri yang merupakan ulama tersohor dan mufti Aceh pada abad ke-17 Masihi. Karya akidah beliau adalah terjemahan karya ulama besar Asya'irah iaitu Sa'd al-Din al-Taftazani yang bersifat sharah terhadap *Aqa'id al-Nasafi* yang bermazhab Maturidi dengan judul *Durrat al-Faraid*.

Karya tokoh ulama selepasnya, iaitu Shaykh Abdul Rauf Singkel (1615-1695) mengandungi pemahaman akidah Asya'irah melalui metod Imam Muhammad Yusof al-Sanusi. Kitab tasawufnya iaitu *Umdat al-Muhtajin* membahaskan pembahagian Sifat Dua Puluh kepada wajib, mustahil dan harus. Kitab lain beliau yang membahaskan Sifat Dua Puluh adalah *Syair Makrifah*, dibuat dalam bentuk syair dan puisi.

Pada zaman keagungan Aceh, diisytiharkan bahawa pegangan akidah umat Islam di bawah jajahannya yang luas adalah berdasarkan fahaman Asya'irah. Serentak dengan itu firqah-firqah selain akidah ahli Sunnah wal Jamaah dianggap aliran sesat. Sesiapa yang berani menentang atau mengikuti aliran selain ahli Sunnah wal Jamaah pada ketika itu akan dipenjara, denda ataupun dibuang negeri (Wan Zailan 1994: 84-106).

Dalam abad ke 18 Masihi, akidah Asya'irah disebar luas di institusi-institusi pengajian pondok dan *pesantren* dengan menggunakan kaedah Sifat Dua Puluh Imam al-Sanusi. Kitab *Umm al-Barahin* karangan Imam al-Sanusi diterjemahkan dan disyarahkan secara meluas dalam kalangan ulama Melayu waktu itu. Antaranya Shaykh Muḥammad Zayn Faqih Jalāl al-Din al-Ashi dalam kitabnya *Durr al-Fara'id*, *Bidayah al-Hidayah*, Shaykh Nawawi Banten dengan tajuk *Zari'at al-Yaqin* dan Shaykh Abd al-Samad al-Falimbani pula melalui kitabnya *Zuhrat al-Murid fi Bayan kalimaṭ al-Tawḥid* pada tahun 1764.

Kitab-kitab aliran Asya'irah terus bertambah, antara yang masyur adalah *Durr al-Thamin* pada tahun 1886 dan kitab kuning bertulis tangan bertajuk *Sifat Dua Puluh* oleh Shaykh Daud al-Faṭani. Beliau juga mengarang kitab *Ward al-Zawahir Fi Bayan Kalimat al-Tawḥid*, yang masih dipelajari dan dikaji sehingga di peringkat universiti.

Seorang lagi tokoh ulama Fatani tersohor adalah Shaykh Ahmad Zain al-Fatani, yang mengarang kitab *Faridah al-Fara'id Fi 'ilm al-'Aqa'id* iaitu sebuah kitab akidah ahli Sunnah wal Jamaah aliran Asya'irah yang paling masyur dalam kalangan masyarakat Melayu sehingga ke hari ini. Karya terbesar itu diselesaikan pada tahun 1895 di Mekah dalam bahasa Arab dan sudah banyak diterjemahkan dalam bahasa Melayu Jawi dan Rumi. Kitab *Faridah al-Fara'id Fi 'ilm al-'Aqa'id* disyarahkan oleh ramai ulamak Nusantara seperti Tuan Guru Haji Nik Abdullah Ahmad al-Jambuwi al-Fatani dalam *Pati Faridah al-Fara'id* dan Tuan Guru Haji 'Abd Allah b. Haji Ibrahim al-Fatani al-Jabi dalam *Umdat al-Talib al-Mujtahid fi Sharh Faridah al-Fara'id*.

Menjelang abad ke 20 dan 21 sudah terlalu ramai ulama alam Melayu yang menterjemah, mensyarah, *menaqal*, mengarang semula serta mengkaji kitab-kitab akidah Asya'irah. Fahaman Asya'irah sudah mengukuh sehinggakan pendokong Asya'irah mula mengarang kitab-kitab untuk membahaskan akidah yang menyalahi pegangan Asya'irah. Keghairahan para ilmuan Islam di Nusantara dalam menyebarkan, membahaskan dan mengarang semula pemikiran Asya'irah mencapai satu tahap sangat memberangsangkan sehingga

akidah Asya'irah merupakan satu-satunya pemahaman aqidah Islam di Tanah Melayu. Antaranya seperti *Tamrin al-Sibyan fi Bayani Arkan al-Islam wa al-iman* oleh Tuan Husein Nāsir bin Muḥammad Ṭayyib al-Mas'udi al-Banjari, *Hidayat al-Rahman* karangan Haji Abd al-Laṭīf bin Haji Muḥammad Nuruddin, *'Aqidat al-Munjiyati Fi Bayani 'Aqidat al-Mu'minin Wa al-Mu'minat* oleh Shaykh Muḥammad Alwī bin Abdullah Khaṭīb Andut al-Kampari, *Bidayat al-Tawhid fi 'Ilm al-Tawhid* oleh Shaykh Muḥammad Basiyuni, *'Aqa'id al-iman* oleh Mufti Haji Abd al-Raḥmān Siddiq bin Muḥammad 'Afif al-Banjari dan *Jiwa Iman Pada Menjilahkan Amalan* karangan Mufti Haji Ibrahim bin Muḥammad Yusuf bin Muḥammad Salīh al-Kalantani.

### **UMAT MELAYU BERPEDOMAN FEKAH SYAFI'I DAN SYAFI'IYAH**

Istilah Syafi'iyah merujuk kepada ulama dan umat Islam yang menyatakan dirinya sebagai pengikut Imam Syafi'i. Dalam hal ini, wujud perbezaan antara pemahaman Islam yang difatwakan oleh Imam Syafi'i dengan pemahaman yang dikembangkan oleh ulama pengikut mazhab Syafi'i (Syafi'iyah). Selain itu, terjadi juga perbezaan pemahaman antara sesama ulama pengikut mazhab Syafi'i (Syafi'iyah) dengan ulama Syafi'iyah yang lain. Antara ulama Shafi'iyah yang terkemuka adalah Imam Ghazali, Imam Nawawi, Imam Rofi'ie dan Shaykh Zakaria al-Ansori

Fekah mazhab Syafi'i mengambil tempat utama dalam perkembangan pemikiran dalam kalangan masyarakat alam Melayu melalui dua saluran, iaitu pendidikan dan perundangan. Secara umumnya, kitab fekah menghuraikan hukum-hakam agama dalam ibadat, muamalat, munakahat, jinayat dan jihad sekaligus aplikasinya dalam kehidupan masyarakat. Persuratan Melayu berfekah Syafi'i tersebar seawal zaman Kerajaan Melayu Pasai dalam abad ke 13 Masihi.

Sseorang pengembara Arab, iaitu Ibnī Batuttah yang singgah di Pasai pada tahun 1345 dan 1346 Masihi dalam perjalanan pergi dan pulang dari China mencatatkan pengalamannya seperti berikut:

Sultan Al-Malikuz Zahir dari golongan raja-raja yang mulia dan bermurah hati, berpegang dengan **mazhab As-Syafi'i**, kasihkan alim-ulama yang datang ke majlisnya untuk membaca dan muzakarah; dan baginda banyak berjihad, sangat merendah diri, datang berjalan kaki untuk bersolat Jumaat dan penduduk negerinya berpegang dengan mazhab Syafi'i dan suka berjihad. Mereka itu keluar dengan sukarela bersama-samanya; mereka itu mendapat kemenangan di atas orang-orang kafir yang berhampiran, dan orang-orang kafir membayar jizyah kepadanya.

Menurut Abdul Monir Yaacob (2005), Hukum Kanun Melaka mengandungi hukum syarak terjemahan kitab '*Fath al-Qarib*'. Kitab karangan al-Imam Mahyuddin Abu Zakariyyah bin Syaraf al-Nawawi seperti Talkhis al-Minhaj dan Minhaj al-Talibin sudah tersebar pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Di samping kitab-kitab Arab, Shaykh Nuruddin al-Raniri menulis *Sirat al-Mustaqim* (1644), sebuah kitab fekah yang asas dalam bahasa Melayu, menumpukan kepada persoalan-persoalan ibadat berhubung taharah (kebersihan), solat, zakat, puasa dan haji, selain turut membincangkan tentang sembelihan, akikah dan diakhiri tentang makanan (halal dan haram). Kitab ini sangat berwibawa dan masyur di Alam Melayu kerana bukan sahaja dikarang oleh seorang ulama terkenal tetapi sumbernya diambil daripada kitab fekah Arab yang muktabar (Shafie Abu Bakar: 2000). Kitab ini juga mengukuhkan pertapakan kukuh mazhab Syafi'i berlaku sejak awal lagi.

Kitab bertulisan jawi lain, iaitu *Sabil al-Muhtadin* karangan Shaykh Muhammad Arshad al-Banjari juga merupakan kitab fekah yang penting. Setelah beliau, tokoh terbesar fekah Syafi'i di alam Melayu adalah Shaykh Daud bin Abdullah al-Fatani (m 1847) yang bukan sahaja terkenal dalam bidang fekah, tetapi juga dalam bidang usuluddin dan tasawuf. Antara kitab fekah karangannya adalah *Bughyat al-Tullab*, *Bulugh al-Muram*, *Idah al-Bab* dan *Furuq al-Masail*.

Dalam pendidikan tradisional Islam di Malaysia, sama ada dalam sistem pondok, sekolah agama, masjid atau surau, buku-buku teks rujukan dalam ilmu Fekah keseluruhannya bersumber daripada fekah Syafi'i atau Syafi'iyah, ditulis dalam bahasa

Jawi atau bahasa Arab. Rujukan kitab Jawi banyak diambil daripada karangan Shaykh Nuruddin al-Raniri, Shaykh Muhammad Arshad al-Banjari dan Shaykh Daud al-Fatani seperti yang disebutkan sebelum ini. Manakala kitab fekah Syafi'i dalam bahasa Arab berujukan karangan Imam Abu Sujak, *al-Ghayah*; karangan Imam Nawawi, *Minhaj al-Talibin*, karangan Zain al-Din al-Malbari, *Fath al-Mu'in*, karangan Zakaria al-Ansari; *Fath al-Wahab bi Sharh Minhaj al-Tullab* dan sebagainya (Abdul Halim El Muhammady).

### **Perundangan Syafi'iyah**

Fekah mazhab Syafi' bukan sahaja mempengaruhi kehidupan dan hal ehwal masyarakat umum, malah mempengaruhi sistem perundangan Negara, iaitu sistem politik kesultanan-kesultanan Melayu silam. Undang-undang berteraskan hukum-hakam Islam diamalkan di negeri-negeri Melayu di samping adat Melayu. Seperti dinyatakan dalam Hukum Kanun Melaka di abad ke 15 termaktub fekah Syafi'i. Undang-undang jenayah Islam dikuatkuasakan, misalnya si pencuri, jika sabit kesalahannya akan dipotong tangan, dan sesiapa yang melakukan zina akan dihukum sebat seratus kali atau dihukum rejam dengan batu sampai mati. Ini tidaklah menghairankan kerana Melaka diketahui mempunyai hubungan diplomatik dengan Pasai yang diketahui mengamalkan fekah Syafi'i.

Begitu juga dengan Hukum Kanun Pahang yang diguna pakai dalam masa pemerintahan Sultan Abdul Ghafur pada abad ke 16, meneruskan amalan Hukum Kanun Melaka seperti berikut:

Bab peri hukuman apabila seseorang akil baligh, membunuh seorang Islam disahaja bunuhnya itu, laki-laki atau perempuan, kecil atau besar, maka yang membunuh itu dibunuh. Bermula tiada harus Islam dibunuh oleh (membunuh) kafir. Bermula tiada harus merdeka dibunuh oleh membunuh hamba orang” (R.O Winstedt: 1948, hlm 1).

Pada era campurtangan British, undang-undang Islam terus diiktiraf sebagai undang-undang watan negeri. Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan, enakmen pentadbiran Islam di Negeri-negeri menyatakan keterikatan dengan mazhab Syafi'i dalam

mengeluarkan fatwa, tafsiran hukum serta amalannya kecuali jika ada keperluan untuk merujuk kepada mazhab empat yang lain. Jelaslah, kitab-kitab Syafi'i atau Syafi'iyah, samada dalam bahasa Melayu atau Arab menjadi rujukan utama.

## **TASAWUF & TAREKAT ALAM MELAYU**

Seperti yang disebutkan sebelum ini, sebuah manuskrip tua bertajuk *Bahr al-Lahut* atau *Lautan Ketuhanan* karangan seorang pendakwah yang bernama Shaykh Abdullah Arif, muncul pada akhir abad ke 12 Masihi. Kitab ini disebut sebagai sumber rujukan terpenting di alam Melayu dalam bidang tauhid dan tasawuf. Konsep Nur Muhammad dan '*insanul kamil*' yang terkandung dalam kitab tersebut telah tersebar secara meluas di dalam kitab-kitab Jawi sehingga terpasak ke alam pemikiran masyarakat Melayu tradisional. Kitab *Kasyaf al-Ghaibah fi Ahwal Yaum al-Qiyamah* karangan Shaykh Zainal Abidin Muhammad al-Fatani dan kitab *al-Kaukab al-Durr fi al-Nur al-Muhammadi* oleh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani adalah antara kitab kuning yang menurut ajaran yang terkandung dalam kitab *Bahr al-Lahut*.

Alim-ulama dalam Kesultanan Melayu Melaka sudah mengajar kitab tasawuf berjudul '*Insanul Kamil*' atau '*Insan yang Sempurna*' karangan salah seorang keturunan Shaykh Abdul Qadir al-Jailani, iaitu Shaykh Abdul Karim al-Jili, kitab *Fusus al-Hikam* karya Ibnu Arabi, kitab *al-Durr al-Manzum* karya Maulana Abu Ishak dan kitab tasawuf sunni berjudul '*al-Luma*' karya Abu Nasir As-Suraj (Shafie Abu Bakar 2000: 413). Satu sumber mencatatkan bahawa kitab himpunan salawat dan doa, *Dalailul Khairat* karangan Syekh Muhammad bin Sulaiman al-Jazuli (w. 872 H) juga dijumpakan pada jasad para syuhada yang berperang melawan Portugis di Melaka dalam tahun 1511, merujuk kepada pengamalan kitab yang masyur tadi. Di Melaka semua kitab masih dalam bahasa Arab, kitab agama dalam bahasa Melayu lebih jelas dalam era Kesultanan Melayu Aceh.

Salah seorang Wali Songo yang masyur di Jawa, iaitu Sunan Bonang, atau nama sebenarnya Maulana Makhdum Ibrahim, menempa nama sebagai mubaligh tersohor yang menyebarkan dakwah Islam ke seluruh pelosok kepulauan Jawa. Pernah menjadi imam



rasmi yang pertama bagi Kesultanan Demak selain menjawat jawatan sebagai pegawai tertinggi. Sunan Bonang dikatakan menyusun naskhah-naskhah Primbon, kebanyakannya bersumberkan kitab *Ihya Ulumuddin* al-Ghazali serta *Talkhish al-Minhaj* karya Imam Nawawi, selain ditemukan juga sumber Shaykh Abdul Qadir al-Jailani. Secara umumnya, naskhah-naskhah Primbon adalah pemikiran Wali Songo, mubaligh-mubaligh sufi yang di kepulauan Jawa.

Karya tasawuf berbahasa Melayu paling awal dipercayai bermula pada zaman Aceh. Kitab-kitab karangan Shaykh Hamzah Fansuri dianggap karya tertua dan terawal dalam bidang tasawuf beraliran *Wahdatul Wujud* seperti *Asrar al-Arifin*, *Sharab al-Asyikin* dan *al-Muntahi*. Aliran *Wahdatul Wujud* amat berpengaruh dalam kalangan orang atasan di istana Aceh, termasuk Shaykhul Ulama pada zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1606-1636), iaitu Shaykh Shamsuddin al Sumatrai. Ada dijumpai risalah-risalah tasawuf beraliran *Wahdatul Wujud* di era tersebut tanpa diketahui penulisnya.

Shaykh Nuruddin ar-Raniri yang menjadi mufti di zaman Sultan Iskandar Thani (1636-164) menganggap fahaman *Wahdatul Wujud* adalah menyeleweng, telah mengarang lebih 30 buah kitab, antaranya bertujuan untuk membasmi fahaman *Wahdatul Wujud* dalam kesultanan Aceh. Antara karya Shaykh Nuruddin adalah *Tibyan fi Ma'rifat al-Adyan*, *Jawahir al-Ulum* dan *Shawarim al-Siddiq*, *Hajjat al-Siddiq li Da'f al-Zindiq*.

Belakangan muncul pengaruh fahaman tasawuf sunni, khususnya melalui karya Imam al-Ghazali. Pengenalannya wujud lebih awal dalam bentuk tarekat Shaziliyah yang dianggap lanjutan dari aliran al-Ghazali. Pendokong tarekat tersebut, Imam Ibnu Attoillah as Sakandari (1309), telah mengarang kitab *Matan Hikam* yang sangat tinggi hikmah dan intuisi ketasawufan. *Hikam Melayu* merupakan syarah *Matan Hikam* dalam bahasa Melayu pertama di alam Melayu. Dikarang pada akhir abad ke 17 Masihi oleh Tokku Pulau Manis di Terengganu. Kitab *Syarah Matan Hikam @ Hikam Melayu* disebut sebagai kitab tasawuf sunni yang membuka jalan ke arah mendalami tasawuf Imam al-Ghazali yang beraliran *ubudiyah-rohaniyah*.

Kitab tasawuf sunni yang langsung disadur daripada karya-karya Imam al-Ghazali bermula pada akhir abad ke 18 Masihi. Ulama yang bertanggungjawab mengketengahkan karangan al-Ghazali secara saduran adalah Shaykh Abdul Samad al-Falembani yang mengarang kitab *Siyarus Salikin* (1789), menyadur daripada *Ihya Ulumuddin*. Karyanya *Hidayatus Salikin* juga disadur daripada kitab al-Ghazali berjudul *Bidayatul Hidayah*.

Penyaduran karya-karya al-Ghazali berlarutan dalam kalangan ulama Patani. Antaranya Shaykh Wan Daud al-Fatani menyadur kitab *Minhajul Abidin*, dengan memberikan judul yang serupa. Terkandung pada kitab ini konsep Gunung Tujuh (*al-'Abaqat al-Sab'ah*), iaitu proses pendakian ke arah mencapai kebahagiaan hakiki di dunia dan akhirat. Tujuh elemen tersebut adalah Ilmu, Taubat, Penghalang, Godaan, Pembangkit, Pencela, Puji dan Syukur. Karangan Shaykh Daud tersebar luas memantapkan lagi pendekatan tasawuf Imam al-Ghazali di alam Melayu sehingga ada ulama terkemuka dunia masakini menyatakan bahawa pemerhatiannya dari dahulu tentang masyarakat Nusantara memperlihatkan wujudnya 'roh al- Ghazali'. Hal ini diungkapkan oleh Shaykh Muhammad bin Yahya al-Ninowy dalam program RIS Convention yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 4 haribulan hingga 5 haribulan March 2017.

Perkembangan tasawuf di alam Melayu tidak dapat dipisahkan daripada kajian perkembangan tarekat-tarekat di rantau ini. Terlalu banyak dapatan serta maklumat sejarah yang mampu membuktikan sumbangan para ulama sufi serta ajaran-ajaran mereka melalui platform tarekat-tarekat muktabarah dalam lintasan sejarah islamisasi alam Melayu sehingga tidak dapat disangkal lagi. Antara tarekat-tarekat yang terbesar ialah Qadiriyyah, Rifaiyyah, Syaziliyyah, Syatariyyah, Ahmadiyyah, Tijaniyyah, Alawiyyah dan Naqsyabandiyyah.

Berikut dipetik kajian Hj Wan Shaghair (2000) untuk memperihalkan sebahagian daripada tarekat di atas berserta senarai alim-ulamak alam Melayu yang mempraktikannya:

### **Tarekat Qadiriyyah**

Dinisbahkan kepada Wali Qutub Shaykh Abdul Qadir al-Jailani, berketurunan Sayyidina Hassan bin Fatimah binti Rasulullah ﷺ. Ulama Melayu yang beramal dengan tarekat ini ialah Shaykh Hamzah al-Fansuri, Shaykh Syamsuddin as-Sumatrai, Shaykh Ahmad Khatib Sambas, Shaykh Muhammad Zainuddin bin Muhammad Badawi as-Sumbawi, Shaykh Muhammad Mukhtar bin Atarid/'Utharid Bogor dan lain-lain lagi

Kebanyakan penurunan murid tarekat Qadiriyyah yang berada di dunia Melayu sekarang adalah berasal daripada salasilah Shaykh Ahmad Khatib Sambas, seorang sarjana besar yang dikatakan hampir semua kiyai di Jawa menelusuri peneologi intelektual mereka daripadanya. Shaykh Ahmad Khatib Sambas terkenal dengan sejarah kekeramatannya.

### **Tarekat Rifa'iyah**

Dinisbahkan kepada Shaykh Sayyid Ahmad bin Muhammad bin Abdur-Rahim ar-Rifai, berketurunan Sayyidina Hussein bin Fatimah binti Rasulullah ﷺ. Antara pengamalnya adalah Shaykh Nuruddin ar-Raniri dan Shaykh Syihabuddin al-Haji bin Abdullah al-Jawi.

### **Tarekat Ba 'Alawi atau Alawiiyin**

Dinisbahkan kepada Sayyidina al-Faqih al-Muqaddam Muhammad bin Ali Ba Alawi, berketurunan Sayyidina Hussein bin Fatimah binti Rasulullah ﷺ. Tarekat yang popular dengan amalan wirid ratib al-Haddad dan ratib al-Attas ini diamalkan di banyak tempat di dunia Melayu, khususnya oleh keturunan ahlul-bait Rasulullah ﷺ. Keunikan tarekat ini adalah pengamalannya mengikut ajaran yang diperturunkan daripada nenek moyang ahlul-bait dari Mekah dan Madinah sehingga ke Hadhramaut, bersambung-sambung kepada cucu cicitnya yang bertebaran di seluruh pelosok dunia hari ini.

### **Tarekat Samaniyyah**

Dinisbahkan kepada seorang Wali Qutub yang bernama Shaykh Muhammad bin Abdul Karim al-Qadiri as-Sammani al-Madani, berketurunan ahlul-bait Rasulullah ﷺ. Beliau adalah penjaga makam Rasulullah ﷺ di Madinah Munawwarah. Beliau terkenal kerana

menggabungkan Tarekat Khalwatiyyah, Qadiriyyah, Naqshabandiyyah dan Syaziliyyah, menjadikannya tarekat Samaniyyah. Pengikut-pengikutnya menyebarkan tarekat tersebut ke daerah Kalimantan, Betawi, Sumbawa, Sulawesi dan Semenanjung Tanah Melayu. Antara pengamalnya di alam Melayu ialah Shaykh Abdus Samad al-Palembani, Shaykh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, Shaykh Muhammad Nafis bin Idris al-Banjari, Shaykh Daud bin Abdullah al-Fatani dan ramai lagi.

### **Tarekat Syaziliyyah**

Dinisbahkan kepada nama seorang waliyullah yang terkenal, iaitu Sayyid Shaykh Abil Hassan asy-Syazili bin Abd Jabbar bin Hurmuz, berketurunan Sayyidina Hassan bin Fatimah binti Rasulullah ﷺ. Di dunia Melayu, tarekat Syaziliyyah terkenal dengan hizibnya seperti Hizbul Bahar, Hizbun Nasar dan lain-lain. Antara ulama yang mengikuti tarekat ini ialah Shaykh Ismail Minangkabau, Kiyai Hj Mustaqim Jawa, Shaykh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin Aceh dan murid-muridnya termasuk Shaykh Abdus Samad al-Palembani, Shaykh Daud bin Abdullah al-Fatani dan lain-lain.

### **Tarekat Ahmadiyyah Idrisiyyah**

Dinisbahkan kepada Sayyidi Ahmad bin Idris al-Idrisi al-Hassani, berketurunan Sayyidina Hassan bin Fatimah binti Rasulullah ﷺ. Antara ulama Melayu yang menerima ijazah Tarekat ini ialah Shaykh Wan Ali Kutan al-Kalantani, Shaykh Abdus Samad/Tuan Tabal bin Muhammad Shalih al-Kalantani, Shaykh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatoni, Shaykh Muhammad Said al-Linggi, Shaykh Abdul Fatah Jawa dan lain-lain lagi.

## RUMUSAN

Walaupun memang diakui bahawa wujud segelintir masyarakat Melayu yang terpengaruh dengan firqah-firqah yang tersasar daripada ahli Sunnah wal Jamaah, tetapi secara majoritinya masyarakat Melayu Nusantara masih merupakan penganut tegar kepada mazhab Asya'irah dalam akidah, mazhab Shafi'i dalam fekah dan aliran Junaid al-Baghdadi, Abdul Qadir al-Jailani dan al-Ghazali dalam tasawuf .

Sebagai rumusan, dipetik ucapan al-Marhum Tuan Guru Haji Abdullah bin Haji Ibrahim atau lebih dikenali dengan panggilan Haji Abdullah Fahim dalam buku *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2)*, terbitan Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1996, hlm 39) seperti berikut:

Tuan-tuan sedia maklum, beratus-ratus tahun bahawa orang bangsa Melayu se Malaya ini dari peringkat ke bawah hingga peringkat ke atas, awam-awam, qadhi-qadhi, ulama-ulama, menteri-menteri, hingga raja-raja, sekalian mereka itu bermazhab dengan Mazhab al-Imam asy-Syafie ijma'an. Tiada seorangpun yang bermazhab lain daripada mazhab Syafie.

Ambil mereka itu hukum-hukum fekah Syafi'i daripada kitab Tuhfah, dan kitab Nihayah hingga kitab al-Umm dan mukhtasharatnya dan terjemahnya kepada bahasa Melayu seperti Sabil al-Muhtadin, Bughyah al-Tullab, dan Matla' al-Badrain dan lainnya. Usuluddin atas perjalanan Abi al-Hasan al-Asy'ari. Diambil dari syuruh dan hawasyi Umm al-Barahin, dan Jauharah dan sebagainya daripada kitab-kitab Melayu. Ilmu tasawuf atas perjalanan al-Imam al-Ghazali diambikkan daripada Minhaj al-Abidin, Ihya' Ulumiddin dan terjemahnya kepada bahasa Melayu, seperti Sair as-Salikin. Maka ini kitab-kitab dan seumpamanya, segala hukum dalamnya kesemuanya mengistinbat daripada al-Quran dan hadits yang dihalusi dan ditapis oleh ulama-ulama ajilla', diamal dengan dia sudah lebih daripada seribu tahun dan diterjemah kepada bahasa Melayu beratus-ratus tahun.

## RUJUKAN

- Abdul Halim El-Muhammady. *Kesan Kedatangan Islam di Malaysia*. Kertas Kerja Seminar Taadib Islam. Anjuran Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
- Al Attas, Syed Muhammad Naquib, 1963 *Some aspects of Sufism as Understood and Practised Among the Malays*, Malaysian Sociological Research Institute Ltd, Singapore 1963
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1988. *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the 'Aqa'id al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Department of Publications University of Malaya.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2011. *Historical Fact & Fiction*, UTM, Kuala Lumpur
- Auni Abdullah. 1991. *Islam dalam Sejarah Politik & Pemerintahan Alam Melayu*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur
- Che' Razi Jusoh. 2010. *Tradisi Penulisan Kitab Sharah dalam Kerangka Aqidah Asha'irah: Rujukan Khusus kepada Kitab-Kitab Syarah Melayu*. Kertas Kerja Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan II. Anjuran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 20-22 Julai 2010.
- Hamka. 1965. *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah. 2000. *Penyebaran Tarekat-Tarekat Sufiyyah Muktabarah di Dunia Melayu*, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur
- Kamis bin Ismail. 2003. *Shiah dan Pengaruhnya dalam bidang Politik dan Tasawwuf Falsafah di Alam Melayu*, Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahayudin Yahaya & Ahmad Jelani Halimi. 1993. *Sejarah Islam*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Haidhar Kamarzaman. 2017. *Ahli Sunah Wal Jamaah dan Al-Asha'irah Sebagai Aliran Islam Terawal Di Nusantara: Suatu Analisis*. Kertas Kerja Seminar Pemikiran Asy'ari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor
- Muhammad Uthman El. Muhammady. 2006. *Ketokohan Ulama Melayu*. Dlm. Prosiding Seminar Nadwah Ulama Nusantara III. *Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia
- Shafie Abu Bakar. 2000. *Persuratan Melayu: Pengucapan Tamadun Islam* Dlm. *Tamadun Islam di Malaysia* (diselenggarakan oleh Mohd Taib Osman dan A. Aziz Deraman), 2000, DBP.
- Siti Hawa Salleh. 1997. *Kesusasteraan Melayu Abad ke 19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Tun Suzana Tun Hj Othman. 2013. *Zuriat Rasulullah dan Raja-Raja Melayu*. Crescent News KL
- Tun Suzana Tun Hj Othman. 2011. *Ulama dan Umara Ahlul-Bait Rasulullah SAW di Alam Melayu*, Crescent News KL
- Wan Zailan. 1994. Asal-USul, Pengaruh dan Kesan Aliran al-Ash'ari dan Asya'irah di Malaysia dan Kepulauan Melayu. Dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Hlm. 84-106. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

## **KEDAULATAN WATAN: Raja Melayu Tonggak Agama dan Adat Budaya**

Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain

### **PENGENALAN**

Seorang raja adalah berkait rapat dengan kuasa pemerintahan sebuah kerajaan. Sama ada diterjemahkan dari sudut sultah, mamlakah atau daulah, kesemuanya itu berasaskan pada kedaulatan dan kuasa tertinggi dalam sebuah sistem dan entiti politik.

Pada paras umum, kedaulatan adalah konsep kuasa agung yang mencorakkan sistem undang-undang dan sistem politik dalam sesebuah pemerintahan; iaitu kuasa paling tinggi sama ada dalam negeri atau untuk mewakilinya pada peringkat hubungan diplomatik luar negeri. Kedaulatan itu mempunyai ciri-ciri tertentu yang mendasari prinsip kuasa untuk melaksanakan keputusan politik, menggubal dan menguatkuasakan undang-undang berdasarkan watannya; kedudukan tersebut perlu dihormati oleh semua pihak dalam wilayah kekuasaannya kerana di situ terletaknya keluhuran undang-undang.

Sebahagian besar negara-negara di dunia pada hari ini mengamalkan prinsip demokrasi. Prinsip demokrasi bermaksud kuasa agung atau kedaulatan itu terletak pada rakyat; melalui kedaulatan rakyat maka tertubuhlah badan perwakilan rakyat yang diberi kuasa untuk menggubal undang-undang dan menentukan sistem politik; mentakrifkan bagaimana kerajaan perlu berfungsi, menjelaskan hubungan antara rakyat dengan kerajaan, hubungan rakyat dengan rakyat, menetapkan hak-hak, kawalan-kawalan, tegahan-tegahan termasuklah mewujudkan badan-badan yang boleh menguatkuasakan undang-undang dan menjaga kedaulatan negara itu.

Berbeza dengan Malaysia, Perlembagaan Persekutuan yang ada pada hari ini hanya memperuntukkan sistem demokrasi berparlimen dalam pemerintahan Raja Berperlembagaan. Pemerintahan Raja Berperlembagaan sudah wujud sekian lama di

Tanah Melayu disaksikan melalui kewujudan perlembagaan-perlembagaan dan undang-undang bertulis sejak sebelum Hari Merdeka.

## **PERSEKUTUAN TANAH MELAYU DAN MALAYSIA**

Pembentukan Malaysia sebagai sebuah Persekutuan diasaskan oleh Perjanjian Negeri 1948 dan diikuti dengan sebuah pemerintahan interim seperti termaktub dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Berpaksi pada terma-terma dalam Perjanjian Negeri 1948, maka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 ditandatangani untuk menginstitusikan sebuah Perlembagaan yang mentakrifkan kelahiran sebuah bangsa Melayu yang baharu.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 diinstitusikan atas persetujuan sembilan orang Raja-Raja Melayu yang mewakili sembilan buah Kerajaan Melayu merdeka dengan wakil Kerajaan Britain bagi dua buah Negeri Selat, iaitu Melaka dan Pulau Pinang. Pembentukan majlis parlimen, sistem keadilan, pentadbiran kerajaan di peringkat Persekutuan dan kesemua peruntukan yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 adalah dikuatkuasakan oleh kedaulatan Raja-Raja Melayu. Kedaulatan Raja-Raja Melayu itu masih terpelihara sehingga kini dan termaktub dalam Perkara 181 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Oleh kerana kedaulatan Raja-Raja Melayu bukanlah ciptaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, sudah pasti faktor watannya berteraskan adat Melayu merupakan asas keabsahannya. Untuk menilai kedaulatan sebenar yang dijunjung oleh sesebuah kerajaan atau negara, analisa teks perlembagaan perlu disemak kerana di situlah ciri-ciri kedaulatan dan implikasi kepada sosial, agama dan adat budaya ditakrifkan. Apa yang lebih menarik, Raja-Raja Melayu sejak dari zaman berzaman merupakan ketua agama dan pemerintah tertinggi dari sudut struktur adat tradisional dalam negeri.



Malaysia lahir pada 16 September 1963 apabila Persekutuan Tanah Melayu bersekutu dengan Singapura, Sabah dan Sarawak. Persekutuan yang dinamakan Malaysia terus kekal walaupun Singapura akhirnya berpisah dalam tahun 1965.

### **Kedaulatan Watan**

Dalam konteks Malaysia, prinsip kedaulatannya dinyatakan dalam Perkara-Perkara 181(1), 3(1) dan Jadual 4 Perlembagaan Persekutuan. Kedaulatan Malaysia mengekalkan prinsip kedaulatan watannya yang bercirikan Kontinuum. Kerangka Kontinuum bermaksud pegangan pada ajaran Islam yang dibawa sejak Nabi Adam as sehinggalah Nabi Muhammad ﷺ; teras pada ad-Din yang sama walaupun terdapat perbezaan antara syariat-syariat di sepanjang zaman seperti terkandung dalam wahyu-wahyu kepada para rasul dan nabi utusan Allah SWT.

Kerangka itu dinamakan Kontinuum kerana istilahnya diambil daripada perkataan '*continuum*'. '*Continuum*' secara umumnya bermaksud sesuatu yang mengalami proses evolusi secara berlapis tanpa ada pemisahan yang jelas, walaupun dari pangkal permulaan dengan hujungnya, kelihatan ada perbezaan (Horby 2007) Fahaman Kontinuum lebih mudah dijelaskan sekiranya dirujuk kepada dua petikan ayat al-Qur'an seperti berikut;

- a. Firman Allah SWT dalam Surah al-Syura 42:13 yang bermaksud:

Allah telah mensyarakkan kepada kamu di antara perkara-perkara agama, apa yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nuh dan yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu: Tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya, berat bagi orang-orang musyrik (untuk menerima agama tauhid) yang engkau seru mereka kepadanya. Allah memilih serta melorongkan sesiapa yang dikehendakiNya untuk menerima agama (tauhid itu) dan memberi hidayat petunjuk kepada agamaNya itu sesiapa yang kembali kepadaNya (dengan taat).

- b. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ma'idah 5:48) yang bermaksud:  
Dan kami turunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab (al-Qur'an) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum antara mereka (ahli Kitab) itu dengan apa yang diturunkan oleh Allah (kepadamu) dan janganlah kamu mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu daripada kebenaran. Bagi setiap umat yang ada antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti masing-masing). Dan kalau Allah mengkehendaki nescaya Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Dia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu, berlumba-lumbalah membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Dia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.

Kedaulatan watan bersumberkan Islam terserlah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Tidak dinafikan terdapat negeri di dalam Kesultanan Melayu Melaka menerima Islam lebih awal, malah ada yang terbentuk sebagai sebuah kerajaan berdaulat dan merdeka selepas Kesultanan Melayu Melaka terbubaranya. Justeru Kedaulatan Malaysia adalah berprinsipkan ajaran Islam yang mengimani bahawa hak pengubalan undang-undang tertinggi adalah milik mutlak Allah SWT seperti dijelaskan dalam *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Berasaskan kerangka konsep itu, maka:

- a. Kepimpinan manusia, termasuk Raja Melayu, adalah berposisi sebagai Khalifah, atau pemegang amanah kedaulatan milik mutlak Allah SWT.
- b. Konsep kedaulatan menggariskan dasar-dasar umum sistem dan prinsip perundangan yang menjadi panduan mandatori kepada manusia.

Berdasarkan premis di atas, Raja-Raja Melayu berkedudukan sebagai 'wakil Allah di atas bumi' (*God's vicegerent*), raja diamanahkan kuasa untuk melaksanakan pemerintahan

berdasarkan undang-undang dan prinsipnya seperti diwahyukan oleh Allah SWT dan menguatkuasakan undang-undang tersebut.

Kalimah syahadah yang dilafazkan oleh Raja-Raja Melayu adalah testimoni penting pelestarian kedaulatan watan bersumberkan ajaran Islam. Dalam kalimah syahadah itu terkandung pengakuan ‘tauhid Uluhiyyah’ (*legislative sovereignty*) yang diistilahkan dalam sains politik sebagai kedaulatan politik. Kedaulatan politik itu berkait rapat dengan kehendak Allah SWT, iaitu hanya Dia sahaja mempunyai kuasa mutlak agung untuk menentukan hukum ibadat dan undang-undang yang dinyatakan dalam al-Qur’an dan melalui al-Sunnah. Namun begitu, itu tidak bermaksud manusia tidak boleh menterjemahkan undang-undang Allah SWT dan prinsip yang ditetapkan-Nya dalam bentuk kontemporari mengikut panduan Nabi Muhammad ﷺ dan para sahabat baginda. Faktor anutan akidah Islam amat penting kerana Islam itu adalah ad-Din (*way of life*).

Dari sisi pegangan hidup, Raja-raja Melayu tidak boleh melucutkan kewajipan baginda untuk mematuhi perintah Allah SWT apatah lagi mereka berkedudukan sebagai ketua agama dan pemerintah tertinggi. Tanggungjawab seorang raja sebagai pemerintah untuk melaksanakan hukum Allah SWT dijelaskan dalam Firman Allah SWT dalam Surah al-Ma’idah (5: 45), “Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang zalim”.

Walaupun pada kelaziman dinyatakan kedaulatan Raja-raja Melayu, pemilikan kedaulatan tersebut pada hakikatnya satu amanah. Menurut al-Qaradhawi (2009), kedaulatan mutlak itu adalah milik Allah SWT semata-mata. Raja atau pemerintah atau pemimpin dalam Islam berposisi sebagai khalifah atau wakil Allah SWT yang meneruskan tanggungjawab Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin negara. Seorang raja atau pemerintah memegang kedaulatan milik mutlak Allah SWT dalam bentuk satu amanah (*sovereign trust*) sesuai dengan Firman Allah SWT dalam Surah Ali ‘Imran (3: 26) yang bermaksud:

Katakanlah (Wahai Muhammad); Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang engkau kehendaki dan engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Kedaulatan berbentuk pengamanahan inilah yang menjelaskan sifat-sifat kedaulatan watan Tanah Melayu berteraskan ajaran Islam dan mengekalkan kuasa tersimpan (*reserve powers*) pada diri seorang raja yang menganut ajaran Islam. Stockwell (1979: 75) menyatakan, “*Traditionally, the Sultan was regarded as the fount of all law and government and the head of religion; he defended the adat (custom) the very fabric of Malay society, and was God’s vicegerent in the world.*” Kedudukan raja sebagai bayangan Allah di atas muka bumi itu pada hakikatnya menjelaskan kedaulatan watan yang berteraskan ajaran Islam.

Kedaulatan menurut pemikiran Barat jelas berbeza dengan Islam. Pemikiran Barat meletakkan kedaulatan itu pada manusia atau entiti tertentu seperti parlimen dan mensyaratkan pemegang kedaulatan itu mestilah bersifat mutlak, bebas dan merdeka apabila membuat keputusan. Sebaliknya, pada sisi Islam, kedaulatan mutlak itu hanyalah milik Allah SWT, sementara pemerintah hanyalah berposisi sebagai pemegang amanah, jauh sekali bersifat mutlak. Bebas dan merdeka menurut kaca mata Islam adalah suatu kebebasan untuk melaksanakan perintah Allah SWT dan ajaran Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad ﷺ.

Perbezaan antara sudut pandangan Barat dengan Islam berlaku kerana aplikasi kerangka kedaulatan yang berbeza. Justeru, perlu juga difahami bahawa kerajaan yang berdaulat adalah tidak terjajah, begitu juga seorang raja yang masih memiliki kedaulatan,

kerajaan baginda belum boleh disifatkan terjajah. Penjajahan hanya berlaku sekiranya prinsip kedaulatannya itu digantikan dengan ciri-ciri yang berbeza.

Pada sisi lain, sebuah kerajaan yang tunduk pada kuasa asing tetapi masih mengekalkan ciri-ciri kedaulatan asalnya, masih belum boleh dikatakan terjajah. Hal ini kerana menurut kaca mata Islam, kedaulatan adalah milik Allah SWT dan tidak boleh terlucut sama sekali. Kedaulatan pada sisi ajaran Islam hanya boleh tergantung (*suspended*) apabila berlaku sekatan untuk melaksanakan perintah Allah SWT. Ini kerana tanggungjawab untuk melaksanakan perintah Allah SWT adalah kekal abadi dan tidak boleh dihapuskan oleh sesiapa. Sekiranya tergantung, maka menjadi kewajipan umat Islam untuk mengembalikannya semula.

### **KESAN PADA AGAMA DAN ADAT BUDAYA**

Dari sudut undang-undang, amat jelas sekali bahawa kedaulatan itu mempunyai kesan kepada pelaksanaan prinsip keagamaan dan adat Budaya. Islam yang dimaksudkan di sini hendaklah bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah seperti takrifan al-Maududi, iaitu:

*Islam is not just about a mere collection of dogmas and rituals but it is a complete way of life covering all fields of human activities, may they be private or public, legal, political, economic, social, cultural, moral or judicial. This way of ordering the life with all the precepts and moral standards is based on divine guidance through His prophets and the last of such guidance is the Quran and the last messenger is Mohammad ﷺ whose conduct and utterance are revered.*

Dari sudut perlembagaan negara, pelaksanaan undang-undang Islam dan prinsip perundangannya perlulah berada dalam kerangka bentuk seperti termaktub dalam perlembagaan. Dalam konteks Malaysia, Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Kerajaan-kerajaan Melayu jelas menjamin kedaulatan Raja-Raja Melayu dan mengekalkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan setiap negeri Tanah Melayu. Cabaran yang ada pada hari ini adalah untuk membawa pentafsiran Perlembagaan Persekutuan itu kembali kepada kerangka watan. Begitu juga halnya dalam aspek penerusan adat Budaya. Institusi

Raja, bahasa Melayu dan kedudukan orang Melayu dan peribumi lain terakam dengan jelas di dalam Perlembagaan Persekutuan. Penggubalan undang-undang berkaitan adat Melayu diletakkan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, melainkan bagi Wilayah Persekutuan yang jatuh di bawah kuasa Parlimen.

Satu aspek yang penting dan penentu nilai kesan kepada agama dan adat budaya terletak pada peranan yang dimainkan oleh Institusi Raja itu sendiri. Contoh yang baik dapat disandarkan pada wasiat Sultan Mansor kepada anakanda baginda, bakal raja: (Shellabear, 1991: 126-127):

Ketahuiilah olehmu wahai anakku, bahawa yang dunia ini tiada kekal adanya. Yang hidup itu sedia akan mati juga sudahnya. Iman yang sempurna dan pekerti yang baik, itulah yang kekal, disebut orang selama-lamanya. Adapun peninggalanku ini, hai anakku, hendaklah engkau berbuat sabar serta adil sangat-sangat, dan jangan tamakkan harta orang, kerana makan hak sama Islam itu terlalu lah besar dosanya, tiada diampun Allah Subhanahu wata'ala, melainkan dengan izin tuannya. Dan jangan lah lagi khali engkau keluar dihadap orang, kerana segala hamba Allah banyak terserah kepadamu. Jikalau kesukaran baginya, hendaklah engkau tolong; jikalau teraniaya ia, hendaklah engkau memeriksa baik-baik, supaya di akhirat tiada diberatkan Allah atas lehermu, kerana sabda Nabi salla Allahu alaihi wassaallam; kullukum rain wa kullukum masuulun ala raiyatihi, yakni segala kamu yang membela lagi ditanyai daripada kebelaan kamu; ertinya segala raja-raja di akhirat lagi ditanya Allah Taala daripada segala rakyat. Sebab demikian, maka harus berbuat adil dan saksama, supaya di akhirat jemah diringankan Allah Taala kira-kiramu. Dan hendaklah engkau muafakat dengan segala menteri dan segala orang besar-besarmu, kerana raja itu, jikalau bagaimana sekalipun bijaksananya dan tahunya, jikalau tiada muafakat dengan segala pegawainya di mana akan dapat ia melakukan kebijaksanaan itu? Dan lagi tiada akan sentosa kerajaannya, kerana raja-raja itu umpama api, akan segala menteri itu umpama kayu; jikalau tiada kayu, di manakah api itu bernyala? Seperti kata Farsi, "Arayat juna bakhsanat sultan khasad" yakni rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon; jikalau tiada

akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri, demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya. Hai anakku, hendaklah engkau turut seperti wasiatku ini, supaya engkau beroleh berkat diberi Allah Subhanahu wata'ala.

Cabaran yang ada pada hari ini menuntut kelangsungan iltizam kepada unsur-unsur watan walaupun kesemuanya sudah terpasak dalam dokumen perundangan. Serangan pemikiran dan pendedahan kepada budaya kuning dilihat sebagai ancaman semasa kepada jenerasi muda pada hari ini.

### **PERANAN INSTITUSI RAJA**

Pada zaman dahulu lagi ajaran agama yang diwahyukan oleh Allah SWT melalui para rasul dan nabi, diterjemahkan dalam kehidupan manusia berdasarkan keadaan-keadaan watan masyarakat dan faktor-faktor persekitaran setempat masing-masing. Walaupun ajaran agama Islam berdasarkan syariat-syariat awal diabaikan sedikit demi sedikit oleh orang-orang terdahulu, namun amalan setempat masih mempengaruhi dan diwarisi oleh generasi demi generasi selepas mereka.

Amalan yang diwarisi itu secara umumnya adalah tatacara kehidupan dan pertimbangan-pertimbangan yang disepakati sebagai amalan baik dan adil oleh masyarakat sesuatu tempat untuk menguruskan keperluan mereka. Atas prinsip itu maka adat sekian lama mengambil posisi sebagai undang-undang yang mengikat masyarakat terdahulu. Tidak dinafikan, dalam adat itu terdapat pelbagai pembahagian yang menentukan tahap keseriusan sekiranya dilanggar atau ditinggalkan. Bahkan, tidak semua pelanggaran adat itu menjadikannya sebagai satu kesalahan yang dihukum.

Begitu juga halnya dengan orang Melayu. Orang Melayu sehingga hari ini masih dianggap satu kaum atau kumpulan etnik yang menjunjung nilai-nilai mulia, mempunyai kebudayaan dan peradaban terpuji malah tingkah laku kesopanan terbaik. Amalan sedemikian pastinya tidak terjadi begitu sahaja tanpa dibentuk oleh adat resam dan kepercayaan tertentu. Dari sudut tersebut, dapat disimpulkan bahawa adat Melayu

melambangkan tahap apresiasi yang begitu tinggi oleh masyarakat Melayu antara sesama mereka, terhadap persekitaran malah setiap perkara yang menyentuh hal ehwal kehidupan mereka. Dari bingkai yang lebih besar, adat Melayu adalah apa yang ditakrifkan sebagai adab budaya dan undang-undang pada hari ini selain daripada hukum hakam yang diwahyukan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah; merangkumi sistem, peraturan, etos dan nilai yang tidak bercanggah dengan prinsip ajaran Islam seperti diwarisi daripada amalan masyarakat dan Kerajaan Melayu pada masa silam.

Oleh kerana ajaran Islam dari sudut ketatanegaraan menetapkan dasar-dasar umum bersifat '*substance*' tanpa menghadkan sesuatu '*forms*' secara '*rigid*' maka didapati pengaruh adat Melayu dalam sistem politik begitu kuat sekali. Aspek tersebut begitu terserlah, meskipun Kesultanan Melayu Melaka dan Kerajaan-kerajaan Melayu selepasnya adalah berstatus kerajaan Islam, namun terlihat perbezaan dari sudut '*forms*' dengan kerajaan-kerajaan Islam di Timur Tengah. Bahkan kerajaan-kerajaan Islam di Timur Tengah juga mempunyai aspek-aspek kebudayaan berbeza walaupun kesemuanya menganuti ajaran Islam syariat Nabi Muhammad ﷺ.

Penjelasan di atas diberikan untuk menunjukkan betapa adat Melayu itu penting kerana memberi identiti watan Malaysia dan adalah salah satu elemen jati diri Melayu. Dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan, adat Melayu disebut dalam beberapa peruntukan dan dari sudut kuasa perundangan, secara khusus terletak di bawah Butiran I Senarai II Jadual 9, iaitu bidang kuasa Negeri.

Pemakaian adat Melayu masih relevan kerana tafsiran undang-undang di bawah Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan, "termasuklah undang-undang bertulis, *common law* setakat berkuatkuasa di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, dan apa-apa adat atau kelaziman yang mempunyai kuat kuasa undang-undang di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya". Dari sudut individu pula, seseorang Melayu perlu mengamalkan adat Melayu, tidak sempurna identitinya walaupun sudah mengamalkan



ajaran Islam. Perkara 160(2) antara lain mentafsirkan orang Melayu itu, “seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap Melayu dan menurut adat Melayu”.

Kedudukan di atas sekira dibaca dengan beberapa peruntukan lain dalam Perlembagaan Persekutuan akan memberi satu rumusan bahawa Raja-Raja Melayu mempunyai peranan khusus untuk memelihara adat Melayu, kerana tanpa adat maka tiadalah orang Melayu. Sekiranya tiadalah lagi orang Melayu, atau orang Melayu tidak lagi menjadi kumpulan majoriti warganegara Malaysia pastinya jati diri watan tanah air akan lenyap satu persatu. Melihat kepada implikasi sedemikian, ternyatalah peranan Institusi Raja untuk memelihara adat Melayu bersifat satu kewajipan kerana selain termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, perlu diulangi dengan tegas juga di sini bahawa kedaulatan Raja-Raja Melayu itu sendiri adalah mengikut adat Melayu. Kedaulatan Raja-Raja Melayu itu adalah prinsip kedaulatan Negara kita yang masih sah sehingga hari ini.

Peruntukan lain yang memerlukan Raja-Raja Melayu perlu berperanan tegas untuk memelihara adat Melayu dalam bingkai yang lebih luas daripada apa yang difahami secara umum, antaranya:

- a. Meskipun Proklamasi Darurat berkuat kuasa, Parlimen tidak boleh di bawah Perkara 150(5) memperluaskan kuasanya mengenai apa-apa perkara hukum Syarak atau adat Melayu atau mengenai apa-apa perkara undang-undang atau adat anak negeri di Sabah dan Sarawak; hal yang sama di bawah Perkara 150(6) berhubungan dengan apa-apa perkara sedemikian atau berhubungan dengan agama, kewarganegaraan, atau bahasa. Pengecualian tersebut dinyatakan dalam Perkara 150(6A);
- b. Peruntukan khas yang berhubungan dengan tanah adat di Negeri Sembilan dan Melaka, dan tanah pegangan Melayu di Terengganu di bawah Perkara 90 Perlembagaan Persekutuan;
- c. Perkara 71(1) memperuntukan:  
Persekutuan hendaklah menjamin hak Raja sesuatu Negeri untuk naik takhta dan memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan

di sisi perlembagaan bagi Raja Negeri itu mengikut Perlembagaan Negeri itu; tetapi apa-apa pertikaian tentang hak naik takhta mana-mana Negeri hendaklah diputuskan semata-mata oleh mana-mana pihak berkuasa, dan semata-mata mengikut apa-apa cara, yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Negeri itu.

- d. Perkara 38(4) memperuntukan, “Tiada undang-undang secara langsung menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis raja-Raja”.

Peruntukan-peruntukan di atas pastinya tidak dapat disempurnakan dengan baik tanpa ada panduan adat Melayu dan perlulah bersandarkan sejarah undang-undang watan tanah air. Dalam hal ini, tafsiran adat Melayu perlu disoroti dalam bingkai yang luas. Adat Melayu bukan sekadar menyentuh ketatanegaraan, bahkan penyuburan nilai-nilai mulia adab susila dan pembinaan budaya Melayu yang unggul. Huraian adat Melayu di sini sesungguhnya membantu Institusi Raja untuk melaksanakan pemerintahan dalam kerangka watan seperti yang diwarisi daripada nenek moyang mereka, Raja-Raja Melayu terdahulu.

Dalam konteks di atas, adat Melayu menggariskan prinsip pemerintahan kepada Raja-Raja Melayu dan prinsipnya masih berkuatkuasa dalam kerangka undang-undang tertakluk pada sistem yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Secara prinsipnya, adat Melayu yang tidak bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan mentakrifkan prerogatif yang masih tersimpan pada Raja-Raja Melayu.

Justeru, amat penting sekali setiap Negeri di Semenanjung Tanah Melayu mempunyai satu pihak berkuasa adat Melayu yang aktif berhubung dengan pemeliharaan maklumat mengenai adat Melayu, memberi kesedaran dan menyebarkan faham adat Melayu, menyediakan perkhidmatan konsultasi dan galakan, begitu juga penguatkuasaan seperti amalan harta sepencarian dan remedi tertentu. Usaha di atas pastinya akan menghadapi cabaran bersimpang siur sekiranya tiada inisiatif daripada Institusi Raja sendiri. Sesungguhnya, kedaulatan Raja-Raja mengikut adat Melayu seperti terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946 menuntut Institusi Raja untuk

berperanan dengan lebih aktif kerana itu adalah salah satu sumber undang-undang untuk mengabsahkan keluhuran perlembagaan.

Berdasarkan kepentingan di atas, secara ringkasnya, peranan Institusi Raja sebagai tonggak agama dan adat budaya merangkumi aspek-aspek seperti berikut:

- a. Menjadi '*role model*' sebagai pengamal adat Melayu;
- b. Melaksanakan prerogatif berpandukan adat Melayu;
- c. Menaungi NGO dan aktiviti pemeliharaan adat Melayu;
- d. Mengawasi pelaksanaan dasar kerajaan agar selari dengan adat Melayu yang diterima dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan dan Negeri masing-masing; dan
- e. Mengurniakan insentif kepada promoter dan penggiat adat Melayu.

## **KESIMPULAN**

Tidak dapat dinafikan dari sudut sejarah peranan yang telah dimainkan oleh Institusi Raja begitu besar sehingga Islam dijunjung sebagai undang-undang watan tanah air. Begitu juga halnya apabila adat Melayu dilestarikan atas prinsip patuh syariah. Faktor utama berlakunya dua aspek penting dalam ketatanegaraan Tanah Melayu di atas kerana Institusi Raja Melayu berprinsipkan kedaulatan watan yang bercirikan ajaran Islam.

Komitmen yang sama oleh Institusi Raja diperlukan untuk melestarikan kedudukan Islam dan amalan adat budaya Melayu dalam pembentukan jati diri bangsa Malaysia pada hari ini. Sesungguhnya prinsip kedaulatan watan menuntut Institusi Raja Melayu terus melaksanakan kewajipan mereka sebagai tonggak agama dan adat budaya.

## RUJUKAN

### Kes Mahkamah

- Che Omar Che Soh lawan Pendakwaraya [1988]2 MLJ 55.  
*Govindrao v. State of M.P.*, AIR 1982 SC 1201.  
*Mighell v. the Sultan Johor* [1894] IQB 149.  
*N. A. Khan v. Province of Sindh: PLD 1977 Kar 606.*  
*Pahang Consolidated Co. Ltd v. The State of Pahang* [1933] MLJ 247.

### Penulisan

- A.S. Horby. *Oxford Compact Advanced Learner's English-Malay*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Abdul Aziz Bari. 2008. The Monarchy: symbolism, guardianship and stability, Dlm. Syed Arabi Idid (Ed.), *Malaysia at 50 Achievement & Aspiration*, hlm 179-192, Thomson Learning, Kuala Lumpur.
- Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib. 2009. *Constitution of Malaysia; Text and Commentary*. Ed. ke-3. Selangor: Prentice Hall.
- Abdul Aziz Bari, Dr. 2016. Temu bual pada 6 Disember, di Dewan Komuniti Taman Cheras Indah, Selangor.
- Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, Tun. 2017. Temu bual (komunikasi personal) pada 5 April Prinsip Perlembagaan.
- Ahmad Syalabi. 1978. *Muqaranah al-Adyan al-Masihhiyyah*. Cet. ke-6. Kaherah: Nahdah al-Misriyyah.
- Aiyar, K.J. 1995. *Judicial Dictionary*. Allahabad: The law Book Company (P) Ltd.
- Allen, J. de, Stockwell, A.J. & Wright, L.R. (Ed.). 1981. *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia*. Jil. 2. London: Oceana Publications.
- Arief Salleh & Yahaya Jusoh. 2015. *Tafsir Maudhu'iy: Politik dan Urus Tadbir*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- A.S. Horby. 2007. *Oxford Compact Advanced Learner's English-Malay*. Oxford Fajar Sdn. Bhd., Selangor.
- Black's Law Dictionary*. 1990. Ed. ke-6, Springer, New York.
- Bouvier, J., 1856, *Bouvier Law Dictionary 1856 Edition*, [www.constitution.org](http://www.constitution.org).
- C.O 537/1530 No. 50823 Part III.
- Curzon, L.B. 2007. *Dictionary of Law*. Ed. ke-6. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Gillen, M.R. Professor. 1994. *Paper on The Malay Rulers' Loss of Immunity*, University of Victoria, Canada.
- Greenberg, D., *Stroud's Judicial Dictionary of Words and Phrases*, Ed. ke-8, Sweet & Maxwell, London, 2012.
- Hinsley, F.H. 1986, *Sovereignty*, Ed. ke-2, Cambridge University Press, London.
- Immanuel, W., 2004, *World-Systems Analys: An Introduction*, Duke University Press, Durham.

- Jelani Harun, Kajian naskhah Undang-undang Adat Melayu di London, 2008 (26) *Sari* 127-148.
- Laporan Suruhanjaya Reid, No. 12/957.
- Liaw, Yock Fang. 2003. (pngr.), *Undang-Undang Melaka*, Yayasan Karyawan, Kuala Lumpur.
- M. Ilyas Khan. 1995. *Hand Book of Legal Terms & Phrases*, Pakistan Law House, Karachi.
- Mohd Salleh Abas, Tan Sri. 1984. *Selected Articles and Speeches On Constitution, Law & Judiciary*, Malaysian Law Publishers Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Mohd Salleh Abas, Tun. 2015. *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhammad Yusof Hashim. 2015. *Kesultanan Melayu Melaka*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Philpott, D. 2003. *Sovereignty*. Stanford Encyclopedia of Philosophy. <https://plato.stanford.edu/entries/sovereignty> [5 Mac 2017].
- Shamsul Amri Baharuddin, Profesor Ulung Dato' Dr.. Temu bual di Pejabat KITA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 11 Oktober 2017.
- Simon. 1995. *British Relations with the Malay Rulers from Decentralisation to Malayan Independence, 1930–1957*, Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Thio, E. 1969. *British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910*, Jil. 1, University of Malaya Press, Singapore.
- Wan Ahmad Fauzi. 2017, *Konsep Kedaulatan Watan Suatu Pengenalan*, Majlis Ittihad Ummah, Selangor.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2017. *Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Menurut Sejarah Perundangan*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2018. *Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudens, Governan & Prinsip Perlembagaan Persekutuan*. Selangor: Abad Sinergi Sdn. Bhd.
- Wheeler, L.R. 1928. *The Modern Malay*. London: George Allen & Unwin.

## **BIODATA PENULIS I**

### **Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain**

Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi bin Wan Husain mendapat ijazah kedoktoran falsafah (PhD) daripada Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berserta Sijil Tesis Cemerlang dan 'Graduate on Time' (GoT) pada tahun 2017. Beliau mula menjadi alumni UKM pada tahun 2014 setelah dianugerahkan ijazah Sarjana Falsafah (M.Phil). Beliau memulakan kerjaya profesional sebagai seorang peguambela & peguamcara pada tahun 1996.

Selain terlibat dalam bidang korporat sebagai Pengerusi Eksekutif Kumpulan dalam syarikat 'Oil & Gas' sehingga tersenarai dalam "The Book of Malaysia Leaders: Government; Politic; Corporate" dalam tahun 2011, beliau juga menempa kecemerlangan dalam perkhidmatan Diraja dan sosial.

Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi adalah mantan Setiausaha dan Ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu selama 2 penggal. Beliau juga pernah dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang Majlis YTM Datuk-Datuk Undang dan Tunku Besar Tampin Negeri Sembilan, ahli Mesyuarat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dan Pengerusi Yayasan Tuanku Nur Zahirah. Selama bertugas sebagai ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, 5 buah kertas cadangan beliau telah diterima sebagai polisi kerajaan, pindaan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu dan pindaan Enakmen Negeri.

Kini, Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi terlibat aktif dalam bidang penulisan, pemikiran watan, penerbitan buku dan penyampai syarahan ilmiah. Beliau juga dikenali sebagai pemikir kedaulatan watan Malaysia. Kajian beliau meliputi sejarah perundangan watan tanah air, institusi Raja Melayu, jati diri orang Melayu dan bangsa Malaysia, jurisprudens dan prinsip Perlembagaan Persekutuan. Dua buku terbaru beliau ialah Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudens, Governan & Prinsip Perlembagaan Persekutuan (memenangi



Anugerah Buku Negara 2018) dan Jurisprudens Watan Perlembagaan Persekutuan: Teks, Konteks dan Isu-Isu Ketatanegaraan.

Buat masa ini, Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi adalah penasihat Gabungan MI'RAJ (Melayu; Islam; Raja), ahli Jawatankuasa Adhoc PERKIM dan peguam syar'ie. Dari sudut kepimpinan, beliau adalah Waris Amanah Mahaguru Silat Seni Gayong Malaysia dan Serantau sejak tahun 2007.

Atas khidmat bakti cemerlang beliau dalam pelbagai bidang dan perkhidmatan, sebelum mencapai usia 40 tahun Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi telah dianugerahkan Darjah Kebesaran Persekutuan Panglima Jasa Negara (PJN), Darjah Kebesaran Negeri Dato' Paduka Negeri Sembilan (DPNS) dan Darjah Kebesaran Negeri Setia Mahkota Terengganu (SMT).

## **BIODATA PENULIS II**

### **Tun Suzana Tun Hj Othman**

Lahir di Singapura pada 28hb November 1965. Pernah bersekolah di Bukit Bintang Girls School dan Sek. Men. Sains Selangor. Melanjutkan pelajaran di Australian National University, Canberra, Australia dan mendapat ijazah dalam bidang Ekonomi. Merupakan pengkaji dan penulis bebas tentang hal-hal terkait sejarah perkembangan Islam, ketamadunan serta peradaban di Alam Melayu. Antara skop pengajian dan penulisannya adalah tentang asal-usul, identiti dan jati diri orang-orang Melayu, dan institusi-intitusi Melayu khususnya institusi umara dan ulama tradisional. Beliau juga mengkaji dan menulis tentang agenda orientalisme, zionisme dan latarbelakang kemunculan sistem sekular di tanah air serta kesannya pada sosio-politik, budaya, identiti dan jatidiri bangsa Melayu. Sehingga kini beliau telah menyusun lebih 16 buah buku, yang terbaru bertajuk *Miftahul Malayu* bersama pengkaji dan penulis tersohor tanahair, iaitu Ustad Hasanuddin Yusuff (2018).

Dalam bidang penulisan, beliau menggunakan nama Tun Suzana Tun Hj Othman sebagai mengenalkan dirinya daripada keturunan keluarga bendahara Melaka yang turun ke Johor dan kemudiannya berhijrah ke Pahang. Beliau merupakan buyut kepada pemerintah Pahang terakhir, iaitu Raja Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir Tun Ali (1847-1863M).

Beliau telah menimba banyak pengalaman dalam bidang penyelidikan sejarah dan penulisan, dan telah melawat banyak negara seperti negara-negara Arab, Hadhramawt di Yaman, UAE, Qatar, Afrika Selatan, Australia, United Kingdom, Ireland selain negara-negara jiran seperti Brunei, Indonesia, Aceh dan Singapura. Beliau juga turut bergerak aktif sebagai aktivis dalam beberapa pertubuhan dan entiti, sebagai Pengerusi Pertubuhan Kesedaran Melayu dan Islam (KEMUDI), Setiausaha Pertubuhan Kebajikan al-Isyraq Nusantara dan Ketua Umum Sekretariat dalam Gabungan Melayu Islam Beraja@ MI"RAJ.